

KONSEP QAULAN DALAM AL-QURAN: ANALISIS TAFSIR TEMATIK DAN HUBUNGANNYA DENGAN KOMUNIKASI DIGITAL

THE CONCEPT OF QAUL IN THE QUR'AN: A THEMATIC EXEGESIS AND ITS RELATION TO DIGITAL COMMUNICATION

Siti Sarah binti Izham^{1*}
Parlindungan Simbolon²
Noor Aznaim Abd Latip³

¹ Senior Lecturer, Academy of Islamic Contemporary Studies, Universiti Teknologi MARA, Selangor, Shah Alam, Malaysia. Email: sarahizham@uitm.edu.my

² Pensyarah, Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Al-Kifayah Riau.

³ Senior Lecturer, Academy of Islamic Contemporary Studies, Universiti Teknologi MARA, Selangor, Shah Alam, Malaysia. Email: aznaim@uitm.edu.my.

*Corresponding author: sarahizham@uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Izham, S. S. B., Simbolon, P., & Abd Latip, N. A. (2025). Konsep Qaulan dalam al-Quran: Analisis tafsir tematik dan hubungannya dengan komunikasi digital. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 1 – 17.

Abstrak: Era digital telah merombak landskap komunikasi manusia dengan drastik, menjadikan media sosial sebagai medium utama penyebaran maklumat, ekspresi diri dan wacana awam. Namun, keterbukaan ini turut mencetuskan krisis komunikasi seperti penyebaran kebencian, fitnah dan tuduhan melulu sehingga menghakis adab serta menimbulkan konflik dalam interaksi maya. Walaupun terdapat kajian terdahulu mengenai konsep qaulan dalam al-Quran, kebanyakannya hanya menumpukan kepada beberapa bentuk tertentu dan kurang menghubungkannya secara menyeluruh dengan realiti komunikasi digital semasa. Justeru, kajian ini bertujuan meneliti lapan bentuk qaulan yang dirakamkan dalam al-Quran iaitu qaulan *thaqila*, *lawayna*, *maysura*, *ma'rufa*, *karima*, *sadidan*, *'aziman* dan *baligha* melalui pendekatan tafsir tematik dengan merujuk kepada karya tafsir berautoriti. Objektif kajian adalah untuk menganalisis prinsip komunikasi yang terkandung dalam setiap bentuk qaulan serta mengaplikasikannya dalam konteks komunikasi digital, seterusnya membina satu kerangka komunikasi Islam berteraskan al-Quran. Hasil analisis mendapati bahawa setiap bentuk qaulan menawarkan panduan komunikasi yang seimbang antara mesej, emosi, adab dan pergaulan, sekali gus relevan untuk menangani cabaran komunikasi digital. Kajian ini menyumbang kepada literasi komunikasi Islam dengan memperlihatkan tafsir tematik bukan sahaja sebagai pendekatan akademik terhadap teks, tetapi juga usaha kontekstualisasi al-Quran dalam membimbing umat menghadapi realiti digital masa kini.

Kata Kunci: Tafsir Tematik, qaulan Quran, komunikasi digital, media sosial

Abstract: *The digital era has drastically transformed the landscape of human communication, making social media the primary medium for information dissemination, self-expression, and public discourse. However, this openness has also triggered communication crises such as the spread of hatred, slander, and unfounded accusations, which erode etiquette and generate conflict in virtual interactions. Although previous studies have discussed the concept of qaulan in the Qur'an, most have focused only on selected forms and have not comprehensively connected them with the realities of contemporary digital communication. Therefore, this study aims to examine eight forms of qaulan recorded in the Qur'an, namely qaulan thaqīla, layyina, maysūra, ma'rūfa, karīma, sadīdan, 'azīman and balīgha, through a thematic exegesis approach by referring to authoritative tafsir. The objective of this study is to analyze the principles of communication embodied in each form of qaulan and to apply them in the context of digital communication, thereby constructing a Qur'an based framework of Islamic communication. The analysis reveals that each form of qaulan offers communication principles that balance message, emotion, etiquette, and social interaction, all of which are highly relevant in addressing the challenges of digital communication. This study contributes to Islamic communication literacy by demonstrating that thematic exegesis is not only an academic approach to the text but also an effort to contextualize the Qur'an as guidance for Muslims in navigating the realities of the digital age.*

Keywords: *Thematic tafsir, qaulan in the Qur'an, digital communication, social media*

Pendahuluan

Komunikasi dan interaksi manusia pada masa kini telah mengalami perubahan yang signifikan seiring dengan perkembangan teknologi era digital. Jika sebelum ini proses berhubung memerlukan masa dan medium tertentu, kini interaksi dapat dilakukan dengan lebih mudah, pantas dan melangkaui batas geografi. Perubahan ini turut mempengaruhi cara manusia mengakses maklumat, apabila isu semasa dan peristiwa yang berlaku di seluruh dunia dapat diketahui hanya dalam beberapa saat. Fenomena ini memberi banyak manfaat dalam kehidupan seharian, khususnya melalui kewujudan media sosial sebagai medium komunikasi utama. Antara platform yang dominan pada masa kini ialah WhatsApp, Facebook, Instagram dan TikTok, yang menawarkan pelbagai bentuk komunikasi sama ada berbentuk teks, visual mahupun audio.

Walau bagaimanapun, kecanggihan teknologi komunikasi masa kini dan kepastian maklumat yang diperolehi melalui media sosial turut membawa kepada kemunculan krisis komunikasi. Antara krisis yang wujud ialah jenayah siber, kebebasan bersuara tanpa batasan, penyebaran maklumat palsu, fitnah, provokasi, isu agama dan sebagainya. Masyarakat juga menggunakan medium media sosial sebagai platform untuk menyatakan pandangan dan menzahirkan rasa tidak puas hati melalui perkataan-perkataan yang tidak bermoral (Syed Mohammad Hilmi et al., 2022; Adil & Intan, 2023). Selain itu, wujud juga naratif kebencian dan provokasi yang akhirnya membawa kepada hilangnya adab dan rasa malu.

Melihat kepada kepincangan ini, cara paling autentik dan tuntas untuk membendung isu tersebut adalah dengan membawa manusia kembali kepada Tuhan. Allah SWT telah memberikan panduan mengenai komunikasi dan interaksi yang terbaik di sisi-Nya melalui al-Quran, sebagaimana yang dirakamkan dalam pelbagai ayat dan surah. Namun, walaupun al-Quran telah menggariskan prinsip komunikasi melalui konsep qaulan, penerapannya dalam konteks komunikasi digital masih belum dikaji secara mendalam. Sebahagian besar kajian

terdahulu hanya menumpukan kepada beberapa bentuk qaulan sahaja atau membincangkannya secara umum, tanpa menghubungkannya secara komprehensif dengan cabaran komunikasi era digital seperti ujaran kebencian, cyberbullying, dan fitnah di media sosial. Keadaan ini menimbulkan persoalan penting: sejauh manakah prinsip komunikasi berasaskan qaulan dapat diaplikasikan sebagai panduan untuk membina wacana digital yang lebih beretika dan beradab?

Bertitik tolak daripada persoalan tersebut, kajian ini bertujuan meneliti lapan konsep qaulan yang dirakamkan dalam al-Quran, iaitu qaulan *thaqīla*, *layyina*, *maysūra*, *ma'rūfa*, *karīma*, *'azīman*, *balīgha* dan *sadīdan*, melalui pendekatan tafsir tematik. Analisis dilakukan dengan merujuk kepada kitab tafsir yang berautoriti seperti Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Misbah dan Tafsir al-Azhar bagi memahami maksud sebenar setiap konsep. Seterusnya, kajian ini menghubungkan penafsiran para mufassir dengan realiti komunikasi digital semasa. Pendekatan ini diharapkan dapat membina satu kerangka komunikasi Islam berasaskan al-Quran yang mampu menjadi panduan dalam membentuk wacana digital yang lebih beretika, beradab dan seimbang dalam kehidupan manusia pada masa kini, sekali gus menyumbang kepada usaha memperkukuh literasi komunikasi masyarakat Muslim pada era teknologi maklumat.

Sorotan Literatur

Komunikasi merupakan satu keperluan asas manusia, bukan sahaja untuk memenuhi keperluan fizikal seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal, tetapi juga bagi memenuhi keperluan emosi serta keinginan untuk memahami persekitaran dan diri mereka sendiri. Dorongan semula jadi ini menjadikan seseorang itu terdorong untuk berkomunikasi secara berterusan (Hanifah, 2020). Atau dalam erti kata yang lain, manusia akan sentiasa berkomunikasi sepanjang hayatnya, dan proses komunikasi akan terus berlangsung selagi wujud kehidupan manusia (Mulyana, 2009, Hanifah, 2020). Komunikasi adalah medan manusia berinteraksi, berkongsi maklumat dan saling memahami (Mailani et al., 2022). Dalam konteks moden, komunikasi telah berkembang dengan pesat melalui pelbagai medium, teknologi dan bahasa (Pimay & Savitri, 2021). Walau bagaimanapun, aspek penting dalam komunikasi ialah pemahaman serta penerapan nilai moral dan etika yang menjadi landasannya (Dewi, 2019).

Komunikasi dalam Islam

Komunikasi dalam Islam berbeza daripada komunikasi umum kerana ia berasaskan wahyu dan ajaran kenabian sebagai panduan utama. Justeru, corak komunikasi ini mampu menyentuh dimensi transendental yang jarang diketengahkan dalam kerangka komunikasi biasa. Dimensi transendental dalam konteks komunikasi Islam merujuk kepada aspek yang melampaui pengalaman lahiriah manusia, iaitu nilai dan panduan yang berpaut kepada wahyu serta bimbingan ketuhanan. Ia tidak hanya berasaskan logik dan pengalaman pancaindera seseorang itu sahaja, tetapi turut mencakupi unsur wahyu dan sunnah Nabi saw yang memberi petunjuk dan menggariskan cara manusia berinteraksi mestilah dengan penuh adab, etika dan prinsip Islam. Dari sudut bahasa, komunikasi Islam sangat menekankan prinsip kesopanan serta sering menggunakan gaya bahasa yang halus dan indah apabila diteliti dengan lebih mendalam (Taufik, 2022).

Selain itu, Islam memandang komunikasi bukan sahaja sebagai proses teknikal, tetapi sebagai aktiviti moral dan kerohanian juga (Saepullah, 2021, Nanang et al., 2025). Prinsip-prinsip seperti *sidq* (kebenaran), *tabligh* (penyampaian yang jelas dan tepat), amanah (kepercayaan), dan *fathanah* (kebijaksanaan) membentuk asas penting untuk interaksi sosial mengikut ajaran Islam. Nabi Muhammad saw sendiri mencontohi penerapan prinsip komunikasi ini dalam

menyampaikan risalah Islam dan membina tamadun yang beretika. Komunikasi dalam Islam menekankan adab, kebenaran, dan niat yang ikhlas, membolehkannya menyentuh hati dan membangkitkan kesedaran masyarakat ke arah perubahan positif (Amin et al., 2024; Saggaf et al., 2021, Nanang et. al, 2025).

Menurut Faizal et al. (2012) yang memetik pandangan Hamid Mawlana, lima elemen konsep asas Islam digariskan sebagai teras kepada etika komunikasi Islam, iaitu Tauhid, *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*, masyarakat, Taqwa dan Amanah. Tauhid menjelaskan hakikat “penghambaan eksklusif” kepada Allah SWT dengan menolak sebarang bentuk kedaulatan lain. Prinsip *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* pula merujuk kepada kewajipan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Prinsip ini merupakan prinsip tanggungjawab setiap individu mahupun institusi untuk mengajak orang lain atau institusi lain dalam menegakkan kepemimpinan dan cita-cita Islam (Suharto, 2012). Konsep masyarakat merujuk kepada ummah, iaitu komuniti Islam yang bersifat global dan melangkaui sempadan negara, politik dan etnik. Prinsip Taqwa menekankan keupayaan individu untuk meningkatkan kualiti diri ke tahap yang lebih tinggi sehingga mampu mengekang diri daripada tunduk kepada kehendak material yang berlebihan. Akhir sekali, konsep Amanah membawa makna tanggungjawab besar yang dipikulkan oleh Allah SWT kepada manusia terhadap segala amalannya di dunia (Faizal et al, 2012).

Secara keseluruhannya, komunikasi dalam Islam bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat, tetapi turut menjadi wahana pembentukan akhlak, kesedaran rohani dan kesejahteraan sosial. Berbeza daripada pendekatan komunikasi umum, komunikasi Islam berpaksikan wahyu, sunnah Nabi SAW, serta prinsip-prinsip moral yang membimbing interaksi manusia agar sentiasa berada dalam kerangka adab dan etika Islam. Penekanan terhadap nilai transendental menjadikan komunikasi Islam unik kerana ia menghubungkan aspek lahiriah dengan dimensi kerohanian, sekali gus memberi kesan yang mendalam terhadap individu dan masyarakat. Dengan berteraskan lima konsep asas iaitu Tauhid, *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*, masyarakat, Taqwa dan Amanah, komunikasi Islam mampu melahirkan interaksi yang bukan hanya berkesan, tetapi juga bermatlamat untuk mendekatkan manusia kepada Allah SWT serta memperkukuh hubungan sesama insan dengan penuh adab, etika dan melahirkan kerhamonian.

Konsep qaulan dalam al-Quran

Al-Quran telah memberikan garis panduan yang jelas berkaitan prinsip komunikasi yang baik. Terdapat pelbagai ayat dan surah yang menjadi asas kepada interaksi manusia berlandaskan keamanan, keharmonian dan kesejahteraan. Sebagai contoh, dalam Surah al-Hujurat ayat 10 hingga 12, Allah SWT menekankan konsep ukhuwah serta melarang umat Islam daripada mengumpat, berprasangka buruk dan mengejek sesama manusia. Surah al-Nahl ayat 125 pula menegaskan kepentingan berdakwah dengan penuh hikmah, memberikan nasihat yang baik serta berdialog dengan cara yang beradab. Selain daripada ayat-ayat yang bersifat umum mengenai adab komunikasi, al-Quran turut menggunakan istilah qaulan sebagai petunjuk yang lebih khusus berkaitan dengan etika pertuturan dan gaya komunikasi. Menurut Nanang et al. (2025), istilah qaulan merujuk kepada bentuk, sikap, dan strategi komunikasi yang mencerminkan nilai etika, kerohanian, dan sosial Islam. Analisis menunjukkan bahawa terdapat 19 ayat al-Quran yang menggunakan kalimah qaulan. Namun, setelah diteliti dari sudut penafsirannya, hanya 12 ayat yang dapat dijadikan prinsip komunikasi berasaskan qaulan. Daripada ayat-ayat tersebut, lapan jenis qaulan yang boleh dijadikan asas kerangka komunikasi Islam. Ia sebagaimana berikut:

Jadual 1: Senarai qaulan dalam al-Quran beserta jumlah ayat

Bil	Jenis Qaulan	Jumlah ayat	Surah dan Ayat
1.	Qaulan Ma'rufan	4	Surah al-Baqarah ayat 235 Surah al-Nisa ayat 5 Surah al-Nisa ayat 8 Surah al-Ahzab ayat 32
2.	Qaulan Sadidan	2	Surah al-Nisa ayat 9 Surah al-Ahzab ayat 70
3.	Qaulan Balighan	1	Surah al-Nisa ayat 63
4.	Qaulan Kariman	1	Surah al-Isra ayat 23
5.	Qaulan Maysuran	1	Surah al-Isra ayat 28
6.	Qaulan 'Aziman	1	Surah al-Isra ayat 40
7.	Qaulan Layyinan	1	Surah Taha ayat 44
8	Qaulan Thaqlan	1	Surah al-Muzammil ayat 5

(Sumber: Analisis pengkaji dengan meneliti mushaf al-Quran Rasm Uthmani)

Berdasarkan lapan qaulan di atas, kajian terhadap lapan bentuk qaulan ini masih belum banyak dilaksanakan. Sebagai contoh, Hilda et al. (2022) telah menyenaraikan kelapan-lapan qaulan, tetapi hanya menumpukan kepada enam bentuk sahaja yang sesuai dengan kajiannya berkaitan kompetensi komunikasi, iaitu qaulan thaqlan, layyinan, maysuran, ma'rufan, sadidan dan kariman. Taufiq (2022) pula menggariskan enam bentuk qaulan sebagai prinsip dan etika komunikasi Islam, iaitu qaulan layyinan, sadidan, balighan, maysuran, kariman dan ma'rufan. Kajian Nanang et al. (2025) turut menekankan enam qaulan yang dijadikan prinsip komunikasi Islam dalam kerangka transformasi budaya dengan menggabungkan etika Islam ke dalam konteks sosial kontemporari. Enam bentuk yang disenaraikan ialah qaulan sadidan, balighan, ma'rufan, kariman, layyinan dan maysuran.

Sementara itu, Hoirul (2023) menyenaraikan lapan bentuk komunikasi berdasarkan qaulan, iaitu qaulan layyinan, kariman, maysuran, ma'rufan, sadidan, balighan, thaqlan dan 'aziman, yang digunakan sebagai panduan komunikasi dalam kalangan masyarakat. Faridah et al. (2023) pula memperluas perbincangan dengan menyenaraikan sembilan qaulan berkaitan teori komunikasi dalam perspektif komunikasi Islam. Sembilan bentuk tersebut ialah qaulan sadidan, balighan, ma'rufan, kariman, layyinan, maysuran, thaqlan, 'aziman dan ahsanul qaulan. Kajian ini menambah satu bentuk qaulan berbanding kajian penulisan ini.

Walaupun qaulan telah dibincangkan oleh pengkaji terdahulu, hal ini tidak bererti kajian mengenainya sudah tidak relevan. Al-Quran bersifat sesuai sepanjang zaman dan diturunkan sebagai manual petunjuk kehidupan bagi umat manusia. Perbezaan kajian ini dengan kajian-kajian terdahulu ialah perbincangan akan difokuskan kepada lapan bentuk qaulan dengan menggunakan pendekatan tafsir tematik, sebelum mengaitkannya dengan komunikasi era digital. Perbahasan ini penting kerana cabaran komunikasi digital pada masa kini amat besar, antaranya *cyberbullying*, *hate speech*, dan isu etika di media sosial. Oleh itu, kembali merujuk kepada petunjuk Ilahi merupakan jalan terbaik dan paling berkesan.

Metodologi kajian

Dalam mencapai objektif kajian ini, pengkaji menggunakan metode kualitatif dengan pendekatan tafsir tematik (tafsir mawdu'i) bagi menelusuri konsep qaulan dalam al-Quran. Pendekatan tafsir tematik yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian lafaz dan

tema. Pertama, semua ayat al-Quran yang mengandungi lafaz qaulan dikenal pasti dan dikumpulkan daripada mushaf al-Quran Rasm Uthmani. Kedua, ayat-ayat tersebut dianalisis berdasarkan karya tafsir berautoriti seperti Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Misbah serta Tafsir al-Azhar bagi memahami maksud dan konteks penggunaan lafaz tersebut. Ketiga, hasil penafsiran tersebut disintesis mengikut tema komunikasi Islam, kemudian dihubungkan dengan realiti komunikasi digital semasa. Proses ini membolehkan pengkaji merumuskan prinsip-prinsip komunikasi berasaskan qaulan yang bersifat komprehensif, kontekstual dan relevan dengan cabaran era digital. Di samping itu, rujukan sekunder seperti artikel, buku, dan kajian akademik berkaitan komunikasi Islam turut digunakan bagi memperkukuh dapatan. Pendekatan ini membolehkan pengkaji membentuk kerangka prinsip komunikasi berasaskan qaulan dan mengaitkannya dengan konteks komunikasi digital.

Bagi menganalisis data, kajian ini mengaplikasikan dua metode utama, iaitu induktif dan deduktif. Metode induktif digunakan dengan mengenal pasti ayat-ayat al-Quran yang mengandungi istilah qaulan serta meneliti penafsiran para mufassir klasik dan kontemporari. Analisis ini membantu mengenal pasti asas konsep, nilai, dan prinsip komunikasi Islam. Seterusnya, metode deduktif diaplikasikan dengan menghubungkan prinsip komunikasi berasaskan qaulan kepada konteks komunikasi digital, terutamanya dalam isu etika, ujaran kebencian, serta interaksi di media sosial. Melalui gabungan kedua-dua metode ini, pengkaji dapat merumuskan bagaimana prinsip komunikasi Islam mampu berfungsi sebagai panduan dalam membina ekosistem komunikasi digital yang lebih beretika dan berkesan.

Dapatan dan Perbincangan

Terdapat lapan qaulan yang dibincangkan pada bahagian ini, iaitu qaulan ma'rufan, sadidan, layyinan, kariman, maysuran, ma'rufan, balighan, thaqilan dan 'aziman,

Qaulan Ma'rufan

Ma'rufan bermaksud kebaikan. Apabila digabungkan dengan perkataan qaulan, ia bermaksud kata-kata yang baik. Dalam al-Quran, terdapat empat ayat yang menyebut tentang qaulan ma'rufan (Hoirul & Ratu, 2023). Pertama, dalam surah al-Baqarah ayat 23, ayat ini berkaitan memining wanita yang kematian suami atau berada dalam iddah ba'in. Penggunaan kalimah qaulan ma'rufan untuk menunjukkan penyebutan perkataan yang baik, tidak memalukan walaupun diucapkan dengan secara terus terang, seperti bersikap baik dalam pergaulannya dan bersikap lapang hati kepada isteri-isterinya dan sebagainya (Al-Maraghi, 2006). Kedua, dalam surah al-Nisa' ayat 5, Allah memerintahkan agar bercakap dengan anak-anak yatim menggunakan kata-kata yang baik dan halus (al-Sabuni, 1971). Ketiga, dalam surah al-Nisa' ayat 8, Allah menyeru agar diucapkan kata-kata yang ma'ruf kepada hadirin dalam majlis pembahagian harta. Kata-kata yang baik itu termasuklah permohonan maaf kerana mereka tidak mempunyai bahagian dalam harta yang dibahagikan. Menurut M. Quraish Shihab (2002), qaulan ma'rufan juga merangkumi kata-kata yang menghiburkan hati mereka kerana sedikitnya pemberian atau ketiadaan bahagian untuk mereka. Keempat, dalam surah al-Ahzab ayat 32, penggunaan istilah qaulan ma'rufan merupakan petunjuk daripada Allah kepada isteri-isteri Nabi SAW supaya bertutur dengan ucapan yang terhormat, jelas dan tidak melunakkan suara ketika berbicara dengan lelaki ajnabi (Al-Sabuni, 1971).

Berdasarkan keempat-empat penggunaan qaulan ma'rufan dalam al-Quran, dapat disimpulkan bahawa qaulan ma'rufan mempunyai makna yang konsisten, iaitu perkataan yang dapat menenangkan hati dan membuat seseorang menjadi lebih patuh (Hoirul & Ratu, 2023). Menurut M Quraish Shihab (2002), qaulan ma'rufan menekankan kepentingan menyampaikan ucapan

dalam bahasa yang sesuai dengan adat, budaya dan ‘urf yang baik menurut ukuran masyarakat. Perintah mengucapkan kata-kata yang ma‘ruf bukan sahaja mencakupi pemilihan perkataan, tetapi juga cara pengucapan dan gaya penyampaiannya. Dengan demikian, penggunaan suara yang wajar, gerak-geri yang sopan, serta ucapan yang baik, benar dan tepat sasaran, tanpa menyinggung perasaan atau menimbulkan rangsangan yang tidak wajar (Quraish Shihab, 2002).

Dalam konteks komunikasi digital, keperluan untuk mengamalkan qaulan ma‘rufan menjadi semakin penting. Realiti media sosial hari ini menunjukkan sebahagian masyarakat cenderung melontarkan kata-kata sinis, kesat, dan bersifat sarkastik. Ungkapan sedemikian bukan sahaja menyakitkan perasaan, malah apabila ditujukan secara khusus kepada individu tertentu, ia berpotensi menjatuhkan maruah serta mencetuskan fitnah. Dari sudut falsafah negara, nilai kesopanan dan kesusilaan telah digariskan sebagai salah satu elemen utama pembinaan masyarakat. Nilai ini penting kerana mampu membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan sejahtera. Walaupun wujud perbezaan budaya komunikasi dalam kalangan masyarakat, seperti ada yang berbahasa kasar, lembut, berterus terang, atau berhati-hati, hakikatnya rakyat Malaysia dididik untuk menjunjung kesopanan dan kesusilaan sebagai sebahagian daripada budaya bersama.

Dalam Islam, Allah SWT mendidik manusia agar mengamalkan qaulan ma‘rufan, bukan sahaja sebagai proses pembentukan akhlak individu, tetapi juga sebagai asas bagi mewujudkan keharmonian sosial. Oleh itu, qaulan ma‘rufan berperanan penting dalam menjaga kesopanan, akhlak, dan kesejahteraan masyarakat. Hal ini selaras dengan ajaran Islam yang menuntut umatnya bertutur dengan sopan, menghindari kata-kata kasar, serta tidak menyakiti perasaan orang lain (Nurjanah et al., 2024) dan berkatalah mengikut uruf atau budaya masyarakat.

Qaulan Sadidan

Qaulan sadidan bermaksud pertuturan yang benar, jujur, tidak bohong, dan tidak berbelit-belit (Taufiq Rachman, 2022). Sadidan juga membawa maksud istiqamah dan konsisten (Al-Sabuni, 1971). Dalam al-Quran, Allah menyebut berkaitan qaulan sadidan pada dua ayat iaitu pada surah al-Nisa ayat 9 dan surah al-Ahzab ayat 70 (Taufiq Rachman, 2022). Dalam surah al-Nisa ayat 9, didikan Allah untuk menuturkan qaulan sadidan pada anak yatim. Anak yatim berbeza dengan anak yang mempunyai ayah. Anak yatim lebih peka sehingga memerlukan perlakuan yang lebih berhati-hati dan kalimat-kalimat yang dituturkan mestilah lebih baik bukan sahaja pada kandungannya tetapi perlukan tepat. Sehingga kalau memberi maklumat atau ingin menegur, jangan sampai menimbulkan kekeruhan dalam hati mereka tetapi teguran yang disampaikan hendaklah untuk memperbaiki kesalahan dan untuk mendidik mereka menjadi lebih baik (Hamka, 2018). Manakalah dalam surah al-Ahzab ayat 70, sebagaimana berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ۗ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara),

Surah al-Ahzab: 70

Ayat ini adalah petunjuk kepada orang yang beriman untuk bertaqwa kepada Allah berkatalah dengan qaulan sadidan. Ini secara tidak langsung menunjukkan ciri-ciri orang beriman adalah bertakwa dan bercakap dengan qaulan sadidan. M Quraish Shibab (2002) menyebut

penggunaan qaulan sadidan adalah dengan perkataan yang tepat, ketika diucapkan dengan lidah dan didengari oleh orang ramai mahupun yang berbentuk tulisan sehingga apabila dibaca oleh diri sendiri dan juga orang lain, maka akan tersebar luas sesuatu maklumat dan membekas yang besar pada diri dan jiwa orang lain. Thabthabai' berpendapat bahawa dengan kebiasaan seseorang mengucapkan kalimah yang tepat, akan menjauhinya dari kebohongan dan tidak juga mengucapkan kata-kata yang mengakibatkan keburukan atau tidak bermanfaat (M Quraish Shibab, 2002).

Qaulan sadidan merujuk kepada ucapan yang benar dan tepat (Hefni, 2015, Hilda et. al., 2025). Dalam interaksi, bukan sahaja diperlukan untuk bercakap perkara benar, tetapi mestilah tepat pada sasaran. Ucapan yang benar pada keadaan yang sesuai diumpamakan seperti anak panah yang dilepaskan tepat mengenai sasaran (Hefni, 2015, Hilda et. al., 2025). Qaulan sadidan juga boleh ditafsirkan sebagai etika bersikap jujur dalam berkomunikasi (Ritanto & Mahfud, 2012, Hilda et. al., 2025). Menurut M Quraish Shihab (2002), perkataan qaulan sadidan mengandungi makna meruntuhkan lalu memperbaiki. Difahami dari sini ialah sesuatu ucapan yang meruntuhkan, dalam masa yang sama memperbaikinya. Atau difahami jika berbentuk kritikan, mestilah kritikan yang membangun. Atau dalam bahasa mudah, kata-kata yang baik, benar dan mendidik.

Konteks komunikasi digital menuntut perhatian terhadap tiga aspek utama. Pertama, memastikan setiap maklumat atau kandungan yang ingin dimuat naik di media sosial datangnya daripada sumber yang sahih dan bukan berbentuk andaian mahupun khabar angin. Hal ini penting untuk mengelakkan penyebaran fake news, fitnah atau manipulasi maklumat dengan tujuan menghuru-harakan masyarakat serta menjatuhkan kredibiliti seseorang. Kedua, ketepatan pada sasaran. Maklumat yang dimuat naik atau dikongsi daripada orang lain perlu relevan dengan konteks perbincangan. Sekiranya ingin menegur seseorang, mesej sebaiknya disampaikan secara langsung kepada individu tersebut atau disalurkan kepada badan yang berautoriti, bukan dikongsi secara terbuka di media sosial sehingga mencetuskan panik dan huru-hara. Ketiga, kejujuran dalam penyampaian. Elakkan berselindung di sebalik akaun palsu untuk menyebarkan kebencian, fitnah atau menjatuhkan seseorang. Apabila ingin mengkritik, berilah kritikan yang membina, menggunakan perkataan yang baik dan bukan cercaan. Dalam hal ini, konsep *qaulan sadidan* merujuk kepada ucapan yang baik serta menepati syariat, yakni percakapan yang jelas, tepat, tidak samar, dan tidak menyembunyikan perkara yang diketahui.

Qaulan Balighan

Al-Sabuni (1971) memberi pengertian balighan sebagai yang berbekas. Penyebutan qaulan balighan hanya disebutkan sekali dalam al-Quran iaitu pada ayat 63 surah al-Nisa' (Taufiq Rachman, 2022). Sebagaimana berikut:

أُولَئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيغًا

Terjemahan: Mereka itulah orang-orang yang diketahui oleh Allah akan apa yang ada dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka, dan nasihatilah mereka, serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka.

Ayat di atas menyebut berkaitan keadaan orang munafik. Hanya Allah sahaja Maha Mengetahui siapakah yang termasuk dikalangan munafik. Mereka ini hendak menipu orang beriman dengan perkataan yang manis. Jadi, Allah meminta berpaling dari orang-orang munafik ini. Berpaling disini adalah berpaling dari memberi hukuman untuk kemaslahatan mereka. Walaupun begitu, Allah meminta untuk terus menasihati mereka. Dan nasihatilah mereka secara suasana berseorangan. Kerana jika menasihati secara umum, mereka tidak merasai nasihat itu untuk mereka. Dan berilah nasihat dengan balighan. Balighan bermaksud sampai. Maksudnya, berilah nasihat kepada mereka sehingga nasihat itu mereka fahami untuk diri mereka dan memberkas dalam hati mereka. Beri kata-kata yang berbekas dijiwa mereka supaya tipu daya dan kemunafikan dapat terlepas dari diri mereka (Al-Sabuni, 1971).

Menurut Faridah et al. (2023), qaulan balighan merujuk kepada ucapan yang disesuaikan dengan keadaan pendengar, di mana mesej tidak wajar disampaikan di hadapan khalayak jika melibatkan urusan peribadi, sebaliknya perlu dilakukan secara bersemuka. Komunikasi ini menekankan cara penyampaian mesej mengikut situasi, sama ada dengan kelembutan atau ketegasan (Hilda et al., 2022). Al-Maraghi (2006) pula menjelaskan bahawa qaulan balighan ialah nasihat atau teguran yang sopan, jelas, terus kepada persoalan utama, tidak berlebihan, dan bertujuan agar pendengar tidak tersinggung. Secara umum, qaulan balighan bermaksud penyampaian mesej yang fasih, jelas, berkesan, dan berpengaruh sebagaimana dilakukan oleh para pendakwah dalam menyampaikan ajaran agama (Ahmad Baha' Mokhtar, 2021).

Konteks komunikasi digital menuntut perhatian kepada empat aplikasi penting ketika berkomunikasi di media sosial. Pertama, menyampaikan mesej dengan jelas, tepat, dan memberi kesan. Elakkan gaya penyampaian yang berbelit-belit, umum atau kabur. Kedua, pemilihan tempat dan situasi yang sesuai; sekiranya melibatkan keperibadian seseorang, teguran mestilah dilakukan secara peribadi untuk menjaga maruah penerima dan mengelakkan aib terbuka. Ketiga, nasihat yang diberikan mestilah berbekas di hati dengan mengimbangi antara kelembutan dan ketegasan. Akhir sekali, komunikasi perlu bersifat mendidik dan mempengaruhi, sebagaimana dituntut dalam konsep qaulan balighan.

Qaulan Kariman

Qaulan kariman berasal dari kalimah karim yang bermaksud tinggi atau mulia (Hoirul & Ratu, 2023). Perkataan yang mulia ialah perkataan yang baik, lembut dan penuh kebaikan serta penghormatan. Qaulan kariman hanya disebutkan sekali sahaja dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Isra ayat 23 (Hoirul & Ratu, 2023), sebagaimana berikut:-

﴿ وَفَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا آفٌ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ۝ ٢٣ ﴾

Terjemahan: Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).

Ayat ini berkaitan perintah dari Allah kepada manusia tidak menyembah selainNya. Selepas itu Allah memerintahkan manusia untuk berbuat baik kepada ibubapa. Apabila mereka telah tua dan dijagai oleh anak, maka, Allah perintahkan supaya anak yang menjaga itu untuk tidak bercakap kalimah “uhh” serta larangan berkata dengan kasar, menyindir dan menengking mereka. Bahkan Allah memerintahkan anak yang menjaga itu untuk bercakap atau berkata-kata dengan qaulan kariman (Al-Maraghi, 2006).

Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan yang mulia pada ayat di atas? Menurut Ibn al-Musayyab, yang dimaksudkan ialah perkataan hamba yang berdosa dihadapan tuannya yang bengis (Al-Maraghi, 2006) Bersikap tawaduk dan merendahkan diri kepada kedua-dua ibubapa serta taatlah kepada mereka dalam segala yang diperintahkan terhadapmu, selagi ia tidak berupa maksiat kepada Allah swt. Perintah itu berpunca daripada sikap yang ditimbulkan oleh rasa belas kasihan dan sayang daripada mereka berdua, kerana mereka benar-benar memerlukan orang yang bersifat perlu begitu kepada mereka. Sikap seperti itu merupakan puncak ketundukan dan kehinaan yang dapat dilakukan. Menurut M Qurasih Shibah (2002), ayat di atas menuntut agar apa yang disampaikan kepada kedua ibubapa yang tua bukan sahaja yang benar dan tepat, atau yang sesuai dengan adat kebiasaan yang baik dalam sesuatu masyarakat, tetapi ia harus yang terbaik dan termulia. Dan walaupun seandainya ibubapa melakukan suatu kesalahan terhadap anak, kesalahan itu harus dimaafkan dalam erti kata kesalahan itu tidak pernah ada, kerana tiada ibubapa yang bermaksud buruk terhadap anaknya. Itulah yang dimaksudkan kariman dalam ayat di atas.

Dalam konteks komunikasi digital, qaulan kariman ini boleh diaplikasi pada dua keadaan keadaan. Pertama, kekal pada matlamat ayat ini iaitu bercakap perkara yang baik dan mulia pada ibubapa. Dalam konteks ini, menyembunyikan aib dan kelemahan ibu serta bapa, tidak mengutuk, memburukkan mengumpat mereka di media sosial. Kekal menggunakan qaulan kariman sekalipun bukan dihadapan mereka. Kedua, menjaga pertuturan, bahasa dan tulisan kepada orang yang tua, lebih terhormat dan lebih berilmu. Jika berlaku perbezaan pandangan pada pemimpin, alim ulama atau yang lebih tua dari diri kita, qaulan kariman mestilah diaplikasi. Menggunakan kalimah yang baik, menjauhi mengutuk bahkan menjauhi dari melakukan fitnah ke atas mereka. Jika mereka melakukan kesalahan, tegas dengan hujah atas kesalahan mereka. Bukan dengan menggunakan kalimah yang kesat, buruk dan menjatuhkan maruah mereka. Secara kesimpulannya, qaulan kariman adalah komunikasi yang penuh penghormatan dengan bahasa yang baik, mulia dan jauh dari sebarang bentuk menjatuhkan mereka.

Qaulan Maysuran

Qaulan maysuran membawa maksud kata-kata yang mudah (Hoirul & Ratu, 2023). Kalimah qaulan maysuran ini disebutkan sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Isra ayat 28 (Faridah et. al, 2023), sebagaimana berikut:

وَأَمَّا تَعْرِضْنَ عَنْهُمْ أَبْتِغَاءَ رَحْمَةٍ مِّن رَّبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَهُمْ قَوْلًا مَّيْسُورًا

Terjemahan: Dan jika engkau terpaksa berpaling tidak melayani mereka, kerana menunggu rezeki dari Tuhanmu yang engkau harapkan, maka katakanlah kepada mereka kata-kata yang menyenangkan hati.

Ayat di atas berkait rapat dengan ayat-ayat sebelum iaitu keperluan untuk membantu atau memberi pertolongan kepada sandara mara. Persoalannya, sekiranya kita tidak mampu membantu atau memenuhi hajat mereka, bagaimana keadaan terbaik ketika itu? Sememangnya kita tidak selalu memiliki harta atau sesuatu untuk diberikan kepada saudara mara saat mereka memerlukan. Namun begitu, mestilah sentiasa sehati di dalam jiwa untuk membantu sanak saudara. Dan ayat ini sangat memberi petunjuk dan motivasi. Sekiranya, ada dikalangan saudara mara yang meminta pertolongan dari kita, dan kita tidak mampu memenuhi permintaan tersebut bukan sebab sengaja tetapi di saat itu kita sedang hadapi kekurangan kewangan, lalu kita berpaling dari mereka dengan harapan satu ketika kita akan membantu mereka setelah berusaha dan mendapat rahmat dari Tuhan, maka katakanlah kepada mereka ucapan yang mudah (Syed Qutb, 2001).

Menurut al-Maraghi (2006), qaulan maysuran ialah perkataan yang lembut, baik serta memberi janji, janji yang tidak mengecewakan hati. Menurut al-Hasan, seseorang dianjurkan untuk menyampaikan kepada pihak lain dengan penuh kesedaran, penyesalan, serta rasa hormat bahawa pada waktu tersebut beliau tidak memiliki apa-apa untuk diberikan; namun, sekiranya pada masa akan datang beliau berkemampuan, pemberian itu akan dilaksanakan.

Qaulan maysuran ditafsirkan oleh para ulama sebagai ucapan yang lembut, mudah difahami, sopan serta mampu menenangkan hati pendengar. Ia merujuk kepada tutur kata yang tidak menyakiti, meskipun dalam keadaan menolak permintaan orang lain. Al-Maraghi (2006) menegaskan bahawa qaulan maysuran ialah perkataan yang baik, sederhana, dan menenangkan hati orang yang berhajat, manakala Ibn Kathir (2004) menekankan kepentingan menolak dengan perkataan yang sopan serta tidak menyinggung.

Berdasarkan penafsiran ini, terdapat dua aplikasi utama qaulan maysuran dalam konteks komunikasi digital. Pertama, ia menuntut seseorang untuk membantu saudara-mara atau orang lain dengan ikhlas, serta menjelaskan keadaan sebenar sekiranya tidak mampu. Penolakan perlu dibuat secara terus terang dengan sopan, bukan melalui sindiran, penghinaan atau umpatan. Kedua, ia boleh dipraktikkan dalam interaksi harian di media sosial. Misalnya, apabila timbul isu individu meminta sedekah secara tidak wajar hingga mengundang kemarahan masyarakat, sering kali kata-kata kesat dilontarkan. Lebih malang, mereka yang benar-benar memerlukan turut dihina, dimaki bahkan dijadikan bahan tontonan. Hal ini bertentangan dengan ajaran Islam. Menurut ayat ini, jika seseorang datang dengan harapan untuk dibantu sedangkan kita tidak berkemampuan, maka penolakannya perlu dengan perkataan yang mudah, baik, sopan, dan tidak menyakiti hati.

Qaulan 'Aziman

Qaulan 'Aziman membawa maksud perkataan yang besar (Faridah et. al, 2023). Kalimah ini hanya disebutkan sekali sahaja dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Isra' ayat 40 (Hoirul & Ratu, 2023), ini sebagaimana berikut:-

أَفَأَصْفَاكُمْ رَبُّكُم بِالْبَنِينَ وَاتَّخَذَ مِنَ الْمَلَائِكَةِ إِنْتَاةً إِنَّكُمْ لَتَقُولُونَ قَوْلًا عَظِيمًا

Terjemahan: (Jika demikian wajibnya mengesakan Allah, maka patutkah kamu mendakwa bahawa Tuhan mempunyai anak, dan anak itu pula dari jenis yang kamu tidak sukai?). Adakah Tuhan kamu telah memilih anak-anak lelaki untuk kamu dan

Ia mengambil untuk diriNya anak-anak perempuan dari kalangan malaikat?
Sesungguhnya kamu adalah memperkatakan dusta yang amat besar.

Ayat di atas menjelaskan sifat dan tingkah laku golongan musyrikin. Mereka sepatutnya mengesakan Allah, namun tetap melakukan perbuatan syirik dengan menyekutukan-Nya. Lebih buruk lagi, mereka mendakwa bahawa malaikat merupakan anak perempuan Allah. Dakwaan ini timbul kerana mereka sendiri tidak menyukai anak perempuan dan lebih menginginkan anak lelaki. Lalu, Allah merakamkan tohmahan mereka dalam al-Quran dengan menyebut bahawa apa yang mereka ucapkan itu merupakan sesuatu yang besar. Maksud besar di sini ialah besar dosanya kerana mereka mengada-adakan pembohongan dan pendustaan terhadap Allah (al-Maraghiy, 2006), dan setiap tutur kata yang diucapkan adalah berat serta akan dipertanggungjawabkan (Hamka, 2018).

Memperkatakan bahawa Allah mempunyai anak adalah satu perkara yang amat besar kerana ia melibatkan akidah dan pegangan hidup. Lebih buruk lagi apabila mereka menambah pendustaan dengan mengatakan malaikat itu anak Allah dan mendakwa bahawa malaikat adalah perempuan. Dakwaan ini berpunca daripada sikap mereka yang membenci kelahiran anak perempuan. Hal ini menunjukkan betapa besar penghinaan mereka terhadap Allah. Oleh itu, qaulan 'aziman merujuk kepada perkataan yang sangat besar dosanya, sangat besar unsur penghinaannya, dan sangat besar pula kesan serta implikasinya terhadap akidah (Hamka, 2018).

Qaulan 'Aziman ditafsirkan sebagai perkataan atau ucapan yang keji, lancang, bersifat dusta besar serta menyimpang jauh daripada kebenaran. Ia berbeza dengan bentuk qaulan lain yang menekankan kebaikan tutur kata, kerana qaulan 'aziman merujuk khusus kepada ujaran yang membawa mudarat dan kerosakan besar. Bentuk ujaran ini memberikan implikasi negatif bukan sahaja terhadap individu yang menuturkannya, malah turut memberi kesan buruk kepada pendengar yang menerima serta mempercayainya (Faridah et al., 2023). Dalam konteks komunikasi digital, qaulan 'aziman dapat dilihat pada fenomena penyebaran fitnah, tuduhan palsu, serta ujaran kebencian (hate speech) yang berlegar di media sosial. Perkataan sebegini memusnahkan kredibiliti individu, menjejaskan keharmonian masyarakat dan mencetuskan ketegangan sosial. Oleh itu, pengguna media digital perlu menjauhi sebarang bentuk ujaran yang tergolong sebagai qaulan 'aziman, kerana ia bertentangan dengan prinsip komunikasi beretika menurut al-Qur'an. Setiap individu mestilah memastikan sebelum menulis mahupun bertutur, perkataan dan ucapan yang hendak dilontarkan bukan datang dari emosi kemarahan dan kebencian, tetapi datang dari akal yang berfikir kebaikan dan keburukan sesuatu.

Qaulan Layyina

Qaulan layyinan membawa maksud kata-kata yang lembut (M Quraish Shihab, 2002). Qaulan layyinan adalah arahan Allah swt kepada baginda Nabi Musa dan Nabi Harun ketika mereka bertemu firaun. Perkataan ini hanya disebutkan sekali sahaja iaitu dalam surah Taha ayat 44 (Hilda et al, 2022), sebagaimana berikut:-

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Terjemahan: "Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut".

Ayat ini mengandung ibrah (pengajaran) yang agung. Sesungguhnya Firaun berada pada puncak keangkuhan dan kesombongan, sedangkan Musa ketika itu adalah pilihan Allah daripada sekalian makhluk-Nya. Walaupun begitu, Musa diperintahkan agar tidak berbicara kepada Firaun melainkan dengan kelembutan dan kata-kata yang lunak. Sebagaimana kata Yazid al-Raqasyi ketika membaca firman Allah: Maka katakanlah kepadanya dengan perkataan yang lemah-lembut, “Wahai (Allah) yang menzahirkan kasih sayang kepada orang yang memusuhi-Nya, bagaimana pula dengan orang yang mencintai-Nya dan menyeru-Nya?” Dan berkata Wahb bin Munabbih: maksud perkataan yang lembut ialah, “Sesungguhnya Aku lebih dekat kepada pengampunan dan kemaafan daripada kemurkaan dan hukuman.” Daripada ‘Ikrimah mengenai firman-Nya: “Maka katakanlah kepadanya dengan perkataan yang lemah-lembut”, beliau berkata: “La ilaha illa Allah.” Dan ‘Amr bin ‘Ubayd meriwayatkan daripada al-Hasan al-Basri mengenai firman itu: “Berilah uzur kepadanya, katakanlah kepadanya: sesungguhnya engkau mempunyai Tuhan, dan engkau akan kembali (kepada-Nya), dan sesungguhnya di hadapanmu ada syurga dan neraka.” (Ibn Kathir, 2004).

Menurut M Quraish Shihab (2002), qaulan layyinan membawa maksud lemah lembut menjadikan suatu keperluan kepada semua pendakwah untuk perlunya bijaksana dalam berdakwah. Orang yang zalim dan kasar akan lentuk dengan kata-kata yang lembut.

Dalam konteks komunikasi digital, *qaulan layyinan* sangat diperlukan dalam membentuk masyarakat yang aman dan harmoni. Ledakan media sosial yang bersifat terbuka telah menjadikan setiap individu berpeluang menyuarakan pandangan tanpa batasan. Namun, kebebasan ini sering disalahgunakan sehingga melahirkan ujaran kebencian, fitnah, dan sikap kasar yang meruntuhkan adab dalam berinteraksi. Prinsip *qaulan layyinan* mengajar bahawa mesej yang disampaikan dengan kelembutan, kesantunan dan penuh hikmah lebih berkesan menyentuh hati, bahkan mampu meredakan ketegangan serta mengelakkan perpecahan. Justeru, dalam dunia maya hari ini, setiap pendakwah, pendidik, pemimpin dan pengguna media sosial perlu mengamalkan pendekatan berkomunikasi dengan penuh hikmah dan kelembutan agar dakwah dan mesej kebaikan dapat diterima dengan lebih baik serta membina persekitaran digital yang beretika dan sejahtera.

Qaulan Thaqilan

Qaulan thaqilan membawa maksud perkataan yang berat (Faridah et. al, 2023). Pelbagai penafsiran oleh mufassir berkaitan apakah yang dimaksudkan dengan berat. Perkataan ini hanya disebutkan sekali sahaja iaitu dalam surah al-Muzammil ayat 5 (Faridah et. al, 2023), sebagaimana berikut:-

إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا

Terjemahan: (Sayugialah engkau dan pengikut-pengikutmu membiasakan diri masing-masing dengan ibadat yang berat kepada hawa nafsu, kerana) sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (Al-Quran yang mengandungi perintah-perintah) yang berat (kepada orang-orang yang tidak bersedia menyempurnakannya).

Pada ayat sebelum, Allah SWT memerintahkan Nabi SAW untuk bangun mendirikan solat, bermunajat dan mendekati diri kepada-Nya. Hal ini kerana Allah akan menurunkan melalui malaikat Jibril kepada baginda SAW qaulan thaqilan. Istilah ini merujuk kepada lafaz-lafaz wahyu yang diterima oleh Nabi SAW daripada Allah, yang bukan sekadar inspirasi atau ilham, tetapi wahyu yang membawa perintah langsung daripada Allah (M. Quraish Shihab, 2004). Menurut al-Hasan dan Qatadah, ungkapan “قولا ثقيلًا” ditafsirkan sebagai berat dari sudut amal, iaitu al-Qur’an mengandungi hukum, perintah dan larangan yang memerlukan kesungguhan serta komitmen tinggi untuk diamalkan. Sebahagian ulama lain pula menafsirkan ia sebagai berat ketika proses penurunannya, kerana keagungan wahyu menjadikan pengalaman penerimaan Rasulullah SAW amat mencabar, hingga diriwayatkan Zaid bin Thabit bahawa paha baginda hampir remuk ketika wahyu turun. Secara keseluruhan, qaulan thaqilan menggambarkan kalam Allah yang agung, sarat dengan beban tanggungjawab dari segi pengamalan serta berat dari segi proses penurunannya, menunjukkan betapa besar kedudukan al-Qur’an sebagai sumber utama petunjuk hidup (Ibn Kathir, 2004).

Berdasarkan kefahaman umum ini, dalam konteks komunikasi digital qaulan thaqilan bukan sahaja menuntut pengamalan secara peribadi, tetapi juga tanggungjawab menyampaikannya kepada orang lain melalui medium komunikasi semasa. Lafaz yang berat itu bukan sekadar untuk direnungi oleh individu, sebaliknya perlu diterjemahkan menjadi mesej yang mendidik, membimbing dan mengingatkan masyarakat. Penyampaian ilmu daripada perintah Allah dalam al-Qur’an merupakan inti utama yang perlu diketengahkan supaya masyarakat memahami ajaran Islam secara sahih. Dengan munculnya media sosial, laman web dan pelbagai platform digital, ilmu tersebut boleh disebarkan secara lebih meluas dan pantas. Namun, tanggungjawab ini juga berat kerana memerlukan ketelitian, kesahihan maklumat, adab komunikasi serta kebijaksanaan dalam menyampaikan mesej agar tidak disalahfahami atau diselewengkan. Justeru, qaulan thaqilan dalam era digital menuntut para pendakwah, ilmuan dan individu Muslim untuk memanfaatkan ruang digital dengan penuh amanah, menjadikan komunikasi mereka sebagai medium penyampaian ilmu dari perintah Allah yang benar, mendidik dan membentuk akhlak masyarakat berlandaskan kalam-Nya.

Cadangan Kerangka Komunikasi Islam dalam Era Digital

Gabungan lapan qaulan yang disebut dalam al-Qur’an telah membentuk satu cadangan kerangka komunikasi Islam dalam era digital mengikut tema. Cadangan kerangka ini dapat dijelaskan dalam bentuk jadual di bawah :

<i>Tema</i>	<i>Qaulan</i>	<i>Prinsip</i>	<i>Aplikasi dalam Era Digital</i>
<i>Adab & Hormat</i>	Qaulan Ma'rufan	Adab & Norma Sosial	Gunakan bahasa sopan, elakkan kata kesat, sesuaikan komunikasi dengan budaya digital.
	Qaulan Kariman	Penghormatan	Hormati semua pihak, elakkan ejekan/sindiran, hargai perbezaan pendapat.
	Qaulan Layyinan	Hikmah & Kelembutan	Gunakan bahasa lembut, tenang, dan berhikmah, khususnya dalam isu sensitif.
<i>Kebenaran & Ketepatan</i>	Qaulan Sadidan	Kebenaran & Kejujuran	Pastikan maklumat benar, telus, hindari berita palsu (<i>fake news</i>).
	Qaulan Thaqilan	Ketepatan Maklumat	Semak sumber sebelum berkongsi, pastikan sahih dan bermanfaat.

	Qaulan 'Aziman	Ketegasan Bermaruah	Tegas mempertahankan kebenaran, tidak tunduk pada <i>trolls</i> atau <i>cancel culture</i> .
Keberkesanan & Kefahaman	Qaulan Balighan	Keberkesanan Mesej	Sampaikan mesej dengan jelas, kreatif, berimpak tinggi (infografik, video pendek).
	Qaulan Maysuran	Memudahkan Penyampaian	Gunakan bahasa mudah difahami, ringkas, dan visual mesra pengguna.

Kerangka Komunikasi Islam dalam media sosial berasaskan lapan qaulan dalam al-Qur'an boleh dihipunkan mengikut tiga tema utama iaitu adab dan hormat, kebenaran dan ketepatan, serta keberkesanan dan kefahaman. Tema ini bukan sahaja membimbing pengguna media sosial untuk berkomunikasi dengan baik, tetapi juga memastikan maklumat yang disampaikan adalah benar serta mudah difahami dalam konteks dunia digital tanpa sempadan.

Dari sudut adab dan hormat, prinsip qaulan ma'rufan menuntut agar komunikasi digital dijalankan dengan penuh kesopanan bebas daripada kata-kata kesat dan mengambil kira sensitiviti budaya masyarakat. Sementara itu, qaulan kariman menekankan penghormatan terhadap semua lapisan masyarakat tanpa mengira usia, kedudukan, atau latar belakang walaupun wujud perbezaan pendapat. Qaulan layyinan pula menekankan penggunaan bahasa semasa berkomunikasi di media sosial seperti menggunakan bahasa yang baik, tenang, dan berhikmah khususnya dalam isu sensitif supaya tidak mencetuskan permusuhan atau salah faham.

Bagi tema kebenaran dan ketepatan, qaulan sadidan menuntut agar segala mesej atau perkongsian di ruang digital berlandaskan kebenaran dan kejujuran, serta menghindari berita palsu. Prinsip qaulan thaqilan pula memberi penekanan terhadap kepentingan menapis dan menilai maklumat sebelum dikongsi agar ia sahih, tepat, dan bermanfaat. Seterusnya, qaulan 'aziman menggariskan kepentingan ketegasan dalam mempertahankan kebenaran dengan cara yang bermaruah, meskipun berhadapan tekanan digital seperti budaya "trolls" atau "cancel culture".

Seterusnya, dalam tema keberkesanan dan kefahaman, qaulan balighan menegaskan bahawa mesej yang disampaikan perlu jelas, tersusun, dan berimpak tinggi agar meninggalkan kesan positif pada pengguna media sosial. Ia bukan sekadar berkongsi maklumat tetapi menyusun mesej dengan kreatif melalui medium infografik, video ringkas, atau penulisan yang memberi manfaat kepada pengguna media sosial. Manakala qaulan maysuran menekankan agar mesej disampaikan dengan cara yang mudah, ringkas, mesra pengguna dan tidak menimbulkan kekeliruan.

Secara keseluruhannya, kerangka ini menegaskan bahawa komunikasi Islam dalam era digital mestilah menitik beratkan berkaitan akhlak, kebenaran, dan keberkesanan. Dengan menjadikan lapan qaulan sebagai panduan, komunikasi dalam media sosial akan lebih beretika, berilmu, dan memberi manfaat besar kepada masyarakat. Ia menjadikan platform digital bukan sekadar medan berinteraksi tetapi juga saluran dakwah dan pendidikan yang menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang sejahtera.

Kesimpulan

Kajian ini menelusuri lapan bentuk qaulan dalam al-Quran melalui pendekatan tafsir tematik, iaitu qaulan ma'rufan, sadidan, balighan, kariman, maysuran, 'aziman, layyinan dan thaqilan, serta mendapati bahawa setiap bentuk qaulan menawarkan kerangka komunikasi Islam yang menyeimbangkan kebenaran, adab, emosi dan kesan sosial, sekali gus amat relevan untuk menangani cabaran komunikasi digital yang sering dicemari ujaran kebencian, fitnah dan kehilangan adab. Sumbangan kajian ini jelas pada tiga dimensi: akademik, dengan memperluas horizon tafsir tematik ke arah isu kontemporari; praktikal, dengan mengemukakan kerangka komunikasi Islam berasaskan qaulan untuk diaplikasi dalam wacana digital; dan sosial, dengan memperkukuh literasi komunikasi Islam yang beretika. Justeru, kajian akan datang dicadangkan agar kerangka ini diuji secara lapangan terhadap tingkah laku pengguna media sosial, diperbandingkan dengan teori komunikasi Barat, serta dikembangkan melalui pendekatan interdisiplin melibatkan psikologi, sosiologi dan sains teknologi komunikasi, agar prinsip qaulan dapat diterjemahkan kepada modul pendidikan dan dasar polisi yang lebih konkrit.

Acknowledgements

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Rafulin Holding Sdn Bhd atas penganugerahan geran penyelidikan ini. Selain itu, ucapan terima kasih turut disampaikan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) kerana menguruskan geran 100-TNCPI/PRI 16/6/2 (048/2024) yang bertajuk "Perkembangan Dan Cabaran Tafsir Al-Ilmi: Kajian Perbandingan Di Malaysia Dan Indonesia".

References

- Ahmad Baha^o Mokhtar. 2021. Kitab Turjuman Al-Mustafid: Kajian Terhadap Ilmu Bilangan Ayat. *IJUS | International Journal of Umranic Studies*, 4(1), 47–55. <https://doi.org/10.59202/ijus.v4i1.400>
- Ahmad Mustafa Al-Maraghi, A. M (2006), Tafsir Al-Maraghi, Dar al-Fikr.
- Ali al-Sabuni, M. 1971. Safwat al-Tafasir. Bayrut: Dar al-Quran al-Karim.
- Amin, A., Purba, B., Delima, D., & Ramadhina, W. (2024). Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam Pelayanan Perpustakaan Perguruan Islam Al-Ulum Terpadu Medan. *Warta Dharmawangsa*, 18(1), 231–240. <https://doi.org/10.46576/wdw.v18i1.4268>
- Anam, H., & Kusumawati, R. 2023. Bentuk-bentuk komunikasi dalam perspektif Al-Qur'an dan implementasinya terhadap kehidupan masyarakat. *Journal of Da'wah*, 2(2), 231–245. <https://doi.org/10.32939/jd.v2i2.3170>
- Faridah Faridah, Ruslan, Nurhidayat Muhammad Said & Muhammad Yusuf. 2023. Teori Komunikasi Dalam Perspektif Komunikasi Islam. *RETORIKA: Jurnal Kajian Komunikasi dan Penyiaran Islam*. <https://doi.org/10.47435/retorika.v3i1.577>
- H. Mowlana. (1996). *Global communication in transition: the end of diversity?* (Vol. 19). Sage Publications.
- HAMKA. 2018. Tafsir al-Azhar Juzuk 30. Selangor: PTS Publishing House.
- Hanifah Muyasarah. 2020. Komunikasi Islam: Konsep Dasar Dan Pinsip-Prinsipnya. *HUJAH: Jurnal Ilmiah Komunikasi dan Penyiaran Islam*. Vol. 4 no. 1.
- Hefni, H. (2015). *Komunikasi Islam*. Jakarta: PT Kharisma Putra Utama.
- Ibn Kathir. 2004. Tafsir al-Qur'an al-'Azim. Riyadh: Dar al-Salam Li al-Nasyar wa al-Tawzi.
- Mohd Faizal Kasmani, Sofia Hayati Yusoff, Osama Kanaker, Rozita Abdullah. (2017). The Islamic Communication Paradigm: Challenges and Future Directions. *Journal of Computational and Theoretical Nanoscience*.
- Mulyana, Deddy. 2009. *Ilmu Komunikasi Suatu Pengantar*, Bandung, PT Remaja Rosdakarya
- Nanang Arianto, Rial Sukma Hasibuan, Desian, Susanti Hasibuan. (2025). Islamic Communication Principles as a Framework for Cultural Transformation: Ethical Integration in Contemporary Social Contexts. *Ishlah: Jurnal Ilmu Ushuluddin, Adab dan Dakwah*. 7 (1).
- Ritanto, W. F., & Mahfud, M. 2012. *Komunikasi Islam Perspektif Integrasi-Interkoneksi*. Yogyakarta: Galuh Patria.
- Rohani M.M., & Yusoff, A. S. 2015. Tahap Kesiediaan Pelajar Dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, Dan Kandungan (TPACK) Dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang.
- Saepullah, U. 2021. Communications of Islamic Boarding Schools in Indonesia. *Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan*, 13(3), 2188–2202. <https://doi.org/10.35445/alishlah.v13i3.1154>
- Saggaf, M. I., Arif, M. W., Habibie, M., & Atqiya, K. (2021). Prinsip Komunikasi Islam Sebagai Etika Bermedia Sosial. *Journal of Communication Studies*, 1(01), 15–29. <https://doi.org/10.37680/jcs.v1i01.698>
- Shihab, M. Quraish. 2002. Tafsir al-Mishbāh Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Qur'an, Jakarta: Lentera Hati.
- Suharto. (2012). Islam dan Komunikasi Global. *Al-Mishbah: Jurnal Ilmu Dakwah dan Komunikasi*.
- Syed Qutb. 2001. *Fi Zilal al-Qur'an*. c. 30. Misr: Dar al-Syuruk.
- Taufik Rachman. 2022. Etika Komunikasi Islam dalam Berbagai Perspektif (Intrapersonal, Interpersonal dan Kelompok Kecil). *HIKMAH*. Vol. 16 No. 1.